


INFO@HEPA



# HOTSHOT 2011

Mencungkil Bakat Pelajar UniMAP Dalam Dunia Profileman!

Oleh : Mohd Izwan Izhar Bin Haris

Kangar, 11 Februari 2011 – Satu Pertandingan Filem dan Video UniMAP 2011 atau HOTSHOT 2011 telah diadakan oleh Unit Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan kerjasama Unit Multimedia, Jabatan Canselori UniMAP di Dewan Capitol Kangar Perlis. Antara objektif program ini diadakan adalah untuk menampilkan pelajar UniMAP yang berkebolehan dan berbakat dalam bidang seni lakon dan penghasilan Filem samada krew ataupun produksi. Di samping itu program ini dapat memberikan pendedahan pelajar UniMAP tentang seni lakon dan seni layar yang merupakan salah satu dari bidang seni persembahan. Dalam masa yang sama juga, program ini turut dapat memberikan kemahiran kepada pelajar UniMAP dengan penggunaan dan teknologi kamera, penatacahayaan, props dalam melakukan sesuatu produksi filem.

Sebanyak 5 kategori dipertandingkan dalam HOTSHOT 2011 yang bertemakan 'Generasi Sinema Ke Pentas Global' iaitu, Filem pendek, Dokumentari, Iklan, Pengumuman awam (PSA) dan Video Klip. Terdapat pelbagai hadiah dijanjikan kepada pemenang bagi setiap kategori iaitu Johan akan memenangi wang tunai RM 300.00, Hamper, Plak beserta Sijil Penghargaan. Naib Johan pula akan menerima wang tunai RM 200.00, Hamper, Plak beserta Sijil Penghargaan. Manakala tempat ketiga akan membawa pulang wang tunai RM 150.00, Hamper, Plak beserta Sijil Penghargaan.

Pada pertandingan ini juga turut memperlihatkan kemahiran pelajar Kelab Seni Lakon dan Kreatif UniMAP dalam mengendalikan aspek teknikal dalam bagi menjayakan program tersebut pada Malam Pratonton HOTSHOT 2011. Ahli kelab ini telah diberi tanggungjawab sepenuhnya dalam mengendalikan MCP (Multiple Camera Production), penatacahayaan, PA system dan sebagainya tanpa bantuan daripada staf pada malam tersebut.

Sebelum pengumuman keputusan dibuat, kesemua produksi yang dihasilkan, telah ditayangkan kepada semua penonton yang hadir pada malam Pratonton. Keputusan pada malam tersebut telah diadili oleh En. Ahmad Fahmi Bin Mahamood, Pengarah Pusat Ko-Kurikulum UniMAP yang juga bekas Editor dan Penerbit di BERNAMA, En. Muhamad Nazri Mohd Khalid, Pegawai Tadbir Unit Multimedia dan ICT Jabatan HEPA UniMAP, dan En. Ahmad Faizal Bin Azmi, Penerbit Penyelaras daripada Wayang Studios.

